

Sinkretisme dalam Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak: Penilaian dari Perspektif Islam

MONALIZA SARBINI-ZIN, ROSNAH MUSTAFA, RADINA MOHD DELI & HAIKAL HAMMAAD ZIN

ABSTRAK

Pertembungan budaya dan kepercayaan agama telah melahirkan satu entiti hybrid yang menarik namun berpotensi menjadi suatu yang amat mencurigakan. Sinkretisme yang wujud dalam 'doa' perubatan tradisional memperlihatkan anyaman unsur luar dan Islam. Kesedaran tentang Islam yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Melayu Islam berserta iltizam yang tinggi daripada kerajaan, telah menjadi pendorong untuk membuat penilaian semula tentang amalan perubatan tradisional masyarakat Melayu, demi untuk memastikan amalan tradisi ini tidak tersasar dari landasan Islam yang menjurus kepada perbuatan syirik dan musyrik. Melalui kajian ke atas beberapa amalan perubatan tradisional Melayu Sarawak yang masih diamalkan sehingga kini, jelas menunjukkan sinkretisme yang wujud adalah bertentangan dengan akidah dan semestinya dijauhi.

Kata kunci: sinkretisme, amalan perubatan tradisional, Melayu Sarawak, Islam, akidah, mentera, bomoh

ABSTRACT

The clash between cultures and religious beliefs has spun into a complex yet intriguing hybrid, which inevitably poses abstruseness and potential misperceptions. Syncretism that is apparent in the chants recited in traditional healing manifest intertwining Islamic and non-Islamic elements. Rising awareness about the teachings of Islam among Malay Muslim communities, coupled with governmental efforts, have inspired this study to re-examine the practices of traditional Malay healing and ensure that such practices are not incongruent with Islamic teachings that may lead to blasphemy. This study is focused on several healing procedures which include recitations of chants or 'doa' in the Sarawak Malay traditional healing which are still practised today. Syncretism is found to be prominent in these practices and profanity to the faith and teachings of Islam point to the rejection and abandonment of such practices.

Key words: syncretism, traditional healing practices, Sarawak Malay, Islam, faith, chants, shaman

PENDAHULUAN

Dalam ledakan ilmu yang mempengaruhi segala aspek dalam sfera kehidupan manusia sejagat, masyarakat Melayu umumnya tidak ketinggalan dalam menyusuri arus modenisasi ini. Saban hari pada era kurun 21 ini, kualiti kehidupan amnya dilihat kian meningkat dalam pelbagai aspek dalam bidang sosio-ekonomi, pendidikan, maklumat dan teknologi, sains dan perubatan. Namun, di sebalik kehidupan yang serba moden dan sifat keterbukaan dan liberal masyarakat untuk menerima elemen-elemen baru dan progresif, terdapat amalan-amalan yang bercirikan tradisi yang diwarisi dari zaman ke zaman yang masih dipraktikkan oleh segelintir ahli sesebuah masyarakat (Abdul Hamid 2006).

Di Malaysia, masyarakat Melayu amnya dan masyarakat Melayu Sarawak khususnya, adalah sebuah masyarakat yang mempunyai tahap toleransi yang tinggi membuatkan mereka cukup terbuka

untuk menerima perubahan baru dalam kehidupan mereka. Dalam bidang perubatan, mereka seiring dengan perkembangan dalam bidang perubatan moden, namun tidak dapat dinafikan yang perubatan tradisional yang telah wujud dalam berbagai-bagai masyarakat seluruh dunia berzaman-zaman (Solecki RS. Shanidar IV, 1975) masih mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu.

Makalah ini, pada asasnya, bertujuan untuk mengetengahkan beberapa perubatan tradisional masyarakat Melayu di Sarawak yang masih ada pengamalannya untuk dihuraikan dan dibincangkan dari perspektif agama Islam.

PERUBATAN TRADISIONAL, PERUBATAN MODEN DAN PERUBATAN ISLAM

Perubatan tradisional mempunyai erti kata yang luas. Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Nurul

Wahidah Fauzi (2012) dalam penulisan mereka yang berjudul 'Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak', mendefinisikan perubatan melayu tradisional melalui dua takrifan. Yang pertama, 'perubatan' adalah perkataan derivasi dari 'ubat' yang bererti "sesuatu benda yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit atau menyihatkan badan, sama ada dengan cara dimakan atau disapu" (Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi (2012:153), manakala 'tradisional' pula diertikan sebagai sesuatu yang bersifat tradisi atau sesuatu elemen dalam kehidupan sesebuah masyarakat yang diamalkan sejak turun-temurun.

Maka perubatan Melayu Tradisional boleh diertikan sebagai himpunan amalan yang dicipta untuk tujuan menghadapi masalah yang dihadapi oleh mereka sama ada semasa sihat mahupun semasa uzur. Himpunan pengetahuan itu digunakan bukan sahaja untuk mengekalkan kesihatan tetapi juga memulih dan mengembalikan apa yang telah hilang. Satu hakikat yang mendasari ataupun menunjangi secara keseluruhan perubatan Melayu di kalangan masyarakat Melayu ialah bahawa setiap keuzuran itu mesti ada puncanya atau sebab musababnya dan setiap keuzuran itu juga pasti ada ubatnya. (Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi 2012:153)

Azhar Ibrahim Alwee (2006) pula membincangkan dengan kritisnya akan pembomohan Melayu dan keberthanan institusi ini. Beliau menggambarkan betapa besarnya peranan institusi pembomohan di dalam masyarakat Melayu tradisional. Dalam masyarakat Melayu di desa, bomoh mempunyai status yang tinggi selepas imam dan guru agama serta ketua kampung untuk mendapat khidmat nasihat dalam menangani masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Malah di dalam masyarakat masakini, kebergantungan kepada institusi pembomohan masih dapat dikesan menular dalam kalangan ahli-ahli politik dan perniagaan, malah golongan profesional. Siti Nor Azhani et al. (2011) menyatakan perkara yang sama di mana mereka mendapati peranan yang dimainkan oleh institusi pembomohan sebagai pakar rujukan dalam bidang kesihatan ataupun perubatan masih berkekalan walaupun setelah kedatangan Islam. Terdapat pertindanan peranan yang dimainkan oleh imam sebagai golongan yang terletak di strata tertinggi sesebuah struktur masyarakat Melayu desa.

There are two members (specialists) in the Malay community; the first being 'imam' ('lebai' and others), followed by 'bomoh'

('pawang', 'dukun' and others). At times, an imam also plays the role as 'bomoh' [when consulted with regard to certain illnesses- my own addition].

(Mohd Taib Osman 1983)

Sejauh manakah pertindanan peranan antara imam dan bomoh amatlah sukar untuk dilakarkan garis pemisahannya. Maka tidak hairanlah mengapa dan bagaimana mudahnya berlaku kes-kes penipuan seperti yang sering dilaporkan dalam media masa. Kepercayaan kepada bomoh ini merupakan sesuatu *collective representation* (Syed Hussein Alatas 1972) di dalam sesebuah masyarakat, dan hingga akhir ini *representation* sebegini dalam masyarakat Melayu masih ketara.

Azhar Ibrahim Alwee (2006) menghuraikan perbezaan di antara bomoh tradisional dan 'bomoh Islam' yang berilmu 'putih'. Di antara ciri-ciri bomoh tradisional ialah seorang yang berilmu dan mendapat pertolongan daripada jin atau makhluk halus, atau memelihara serta mendapat perlindungan daripada jin atau makhluk halus; bomoh boleh juga menggunakan ilmunya untuk niat yang jahat, dan meminta 'pengeras' daripada mereka yang memerlukan khidmat perubatan si bomoh.

Di dalam masyarakat Melayu Sarawak, kebiasaannya, pengeras yang diminta berupa paku atau jarum atau duit syiling yang digigit sedikit sebagai tanda simbolik dengan kepercayaan bahawa dengan berbuat demikian boleh menghalang penyakit yang dihadapi terkena atau berpulang kepada pengamal perubatan tradisional itu sendiri. Pendekatan pengamal perubatan tradisional sebegini boleh dikategorikan sebagai pendekatan pembomohan yang ringan atau 'rawatan mudah' (*sympathetic magic*) di antara pendekatan-pendekatan pembomohan lain seperti 'menurun' untuk berhubung dengan unsur ghaib, 'meramal', upacara 'sajian' kepada makhluk halus yang mengganggu, dan 'menghalau hantu' (*exorcism*) (Azhar Ibrahim Alwee 2006:3).

Rawatan mudah (*sympathetic magic*) lazimnya, menggunakan herba-herba dan flora sebagai ramuan minuman dan mandian untuk 'menguatkan semangat dan membuang celaka dalam diri seseorang' (Azhar Ibrahim Alwee 2006). Masyarakat Melayu seperti kebanyakan masyarakat-masyarakat bangsa lain – Cina, India, kaum-kaum etnik di Malaysia – dan juga sesetengah masyarakat lain di dunia, memberi nilai yang tinggi kepada khasiat herba-herba dan tumbuhan semula jadi. Herba-herba, rempah ratus, akar-akar kayu digunakan sebagai sama ada sayur-sayuran ulam

atau ramuan-ramuan dalam masakan seharian dan juga petua atau ramuan dalam amalan perubatan tradisi mereka (Abdul Hamid 2006; Hamidah 2013). Berbeza dengan masyarakat barat yang rata-ratanya mempraktikkan perubatan moden yang berpaksikan ilmu sains perubatan.

Walaupun ‘perubatan Islam’, yang kelihatan semakin popular di Malaysia sejak sekitar dua dekad (dengan penubuhan klinik-klinik perubatan Islam dan buku-buku ilmiah tentang perubatan Islam), memperlihatkan perbezaan, namun menurut Azhar Ibrahim Alwee (2006) masih ianya mempunyai *trappings* perubatan tradisional di mana, sebagai contoh, dalam perubatan cara tradisional, air dijampi dengan mantera sinkretik, manakala dalam perubatan Islam pula, air penawar dibacakan ayat-ayat Al-Quran.

Ahmad El Kadhi (dalam Ahmed Al-Sharrah 2003), menggariskan enam kriteria untuk perubatan Islam iaitu ianya (a) amat baik dan maju (*excellent and advanced*); (b) berpaksikan iman/keyakinan utuh dan etika-etika ketuhanan (*faith and divine ethics*); (c) konsisten dan logik (*consistent and logical*); (d) komprehensif dan tertumpu kepada jasmani dan batin, individu dan masyarakat (*comprehensive, paying attention to the body and the spirit, the individual and the society*); (e) menyeluruh, menggunakan sumber-sumber yang berguna dan menawarkan perkhidmatan kepada semua manusia (*universal, utilizing all useful resources and offers its services to all mankind*); dan (f) saintifik. Ahmed Al-Sharrah (2003) dalam kertas beliau telah membincangkan kriteria-kriteria tersebut dan membincangkan perubatan Islam dari pelbagai perspektif termasuk ilmu sains perubatan yang dipelopori oleh tokoh-tokoh Islam seperti Al-Tabari, Al-Razi, Al Majusi, dan Ibnu Sina.

Pendek kata, dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia, amalan perubatan adalah pelbagai malah bersifat *eclectic* dengan erti kata seseorang boleh dan bebas mengamal ketiga-tiga cara perubatan mengikut keyakinan masing-masing.

KAJIAN TENTANG PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU SARAWAK

Seperti yang telah dinyatakan skop perubatan tradisional amat luas. Pendekatan seseorang pengamal perubatan tradisional juga tidak kesemuanya sama. Namun dalam perbezaan ini tentu sekali terdapat beberapa ciri yang sama.

Untuk makalah ini, hanya aspek ‘rawatan mudah’ (*sympathetic magic*) yang diselidiki dan maklumat-maklumat yang didapati adalah dari temubual dengan enam orang yang sama ada a) pengamal perubatan tradisional atau b) yang mempunyai pengetahuan tentang cara-cara rawatan tradisional orang-orang dahulu. Mereka adalah dalam lingkungan umur 56 hingga 87 tahun dan tinggal di sekitar Bandar Kuching di Sarawak. Mereka telah ditemubual berkaitan dengan cara mereka mengubat atau merawat penyakit ringan seperti masuk angin atau dalam dialek Melayu Sarawak, ‘datang temuan’; terkena campak atau ‘jerumut’, pening kepala dan lain-lain penyakit yang mudah. Penyakit seperti dirasuk atau keupayaan ‘*psychic*’ sebagai seorang ‘*clairvoyant*’ yang boleh meramal atau ‘menilit’ nasib untuk mengetahui punca masalah yang dihadapi seperti barang-barang yang dicuri atau hilang dan penyakit ‘dibuat orang’ tidak dibincangkan. Skop yang diselidiki adalah kecil dan tidak merangkumi aspek ‘kepakaran’ pembomohan yang lain. Pokok perbincangan sebenar adalah mengkaji dan membincangkan ‘doa-doa’ yang digunakan dalam rawatan mudah ini. Aspek ‘doa’ ini walaupun mudah dan ringan jika dibandingkan dengan bacaan-bacaan dalam perubatan yang lebih berat, masih mempunyai signifikansi yang besar. Temubual dan perbincangan juga telah diadakan dengan 3 orang pendidik agama Islam – seorang daripadanya adalah imam masjid manakala dua orang lagi adalah tokoh akademik.

Umumnya, terdapat banyak kajian berkaitan perubatan tradisional Melayu. Seawal tahun 1957, R.J. Wilkinson telah menerbitkan ‘*Papers on Malay Customs and Beliefs*’ dalam monograf tentang budaya Melayu. Werner (1986) telah menulis tentang amalan-amalan dan falsafah pendudukan Melayu. Begitu juga dengan cendekiawan tempatan seperti Amran Kasimin yang banyak menulis tentang perubatan tradisional dan pendekatan rawatan; di antaranya adalah ‘Santau dan kaedah rawatan’ (1991), ‘Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis’ (1997) dan ‘Rawatan tradisional sebagai satu keperluan’ (1998). ‘Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak’ (Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi 2012) pula menghuraikan berbagai-bagai kaedah perubatan cara tradisional yang dipraktikkan sejak turun temurun sekali gus menonjolkan gaya hidup, kebijaksanaan serta keakraban masyarakat Melayu dengan alam sekeliling mereka.

Di dalam jurnal, antara kajian yang didapati relevan dengan subjek perubatan tradisional Melayu

adalah artikel bertajuk *Traditional medicine in South East Asia with special reference to Malaysia and Indonesia* (Shaharuddin Ahmad 2002). Tidak kurang menarik adalah kajian terperinci melalui pemerhatian yang dibuat ke atas interaksi orang Melayu di dalam komunikasi harian mereka. Nicholas (2009) mendapati dari bahasa tubuh dan kelakuan yang berkaitan, kepercayaan seseorang kepada hantu atau roh dan makhluk halus dapat dilihat dan dikenali walaupun seseorang itu menyatakan yang dia tidak percaya kepada hantu. Penerimaan masyarakat Melayu tentang rawatan melalui rukyah (*incantation*), rawatan tradisional dengan bomoh dan pembelajaran tentang rukyah telah dikaji oleh Siti Nor Azhani et al. (2011). Kajian dalam kalangan 343 responden daripada pelbagai latar belakang di Kuala Lumpur mendapati penerimaan tentang rawatan melalui rukyah dan rawatan tradisional pembomohan adalah sederhana manakala penerimaan tentang pembelajaran ilmu rukyah adalah rendah.

Bagaimanapun, kajian tentang perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak masih di tahap rendah. Hamidah (2013) dalam kertas beliau mengenai pantang larang menyentuh sedikit sebanyak tentang amalan perubatan tradisional orang-orang Melayu di Sarawak. Rosnah et al. (2013) meninjau pandangan dan pengetahuan generasi muda tentang perubatan tradisional Melayu Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan generasi muda dalam lingkungan umur awal 20an amat kurang mengetahui tentang kaedah-kaedah rawatan tradisional Melayu Sarawak. Kertas kajian juga menggambarkan beberapa rawatan yang dipraktik oleh orang-orang Melayu Sarawak seperti 'berkebo', 'bersembor', 'bertungkuk' dan 'bertacam' (berbekam).

Sorotan di atas tentang kajian-kajian yang ditemui mengenai perubatan tradisional Melayu, khususnya amalan perubatan tradisional Melayu Sarawak, kebanyakannya berkisar tentang aspek budaya, sosial, perubatan dan komunikasi. Namun kajian dan perbincangan dari perspektif Islam masih kurang. Oleh itu, dalam seksyen seterusnya isu atau persoalan pokok kertas kajian akan dibentangkan.

JENIS DAN KAEDAH RAWATAN MUDAH TRADISIONAL MELAYU SARAWAK

Dari temubual dengan enam orang pengamal perubatan tradisional (seterusnya digelar 'bomoh') didapati bahawa khidmat rawatan mudah yang diberi lazimnya adalah untuk melegakan atau

menghilangkan 'angin' di dalam badan dan di kepala, sakit perut, demam campak dan ruam badan.

Untuk merawat 'tajam senak' iaitu rasa senak pada tulang rusuk kerana 'dimasuki angin' hingga ke dada sehingga seseorang itu merasa sesak nafas, bomoh akan 'menconteng' dada si pesakit dengan kapur. Contengan kapur pada dada juga diringi dengan bacaan 'doa'. Istilah 'doa' sememangnya digunakan secara lazim oleh pengamal perubatan tradisional Melayu Sarawak. Hakikat sebenarnya, 'doa' itu adalah mentera.

Dengan tiga contengan garisan selari dan vertikal dari atas dada ke bawah, bomoh akan membaca 'doa' untuk setiap contengan. Kemudian bomoh akan menghembus atau meniup angin selepas setiap contengan. Si pesakit juga dikehendaki untuk berpantang dari memakan cili dan ikan sembilang. 'Doa' yang dibacakan adalah seperti berikut:

Doa Tajam

Bismillah hir Rahman nir Rahim
Pokok pandan
Bunga pudak [sejenis daun pandan]
Akar dia
Tungkur babi
Datang tajam
Datang senak
Diconteng dengan kapur
Terus sik jadi

Berconteng juga dilakukan apabila seseorang 'datang temuan' dan menghidap 'dugal'. Untuk menghilangkan 'temuan' atau pertemuan iaitu pergolakkan angin di dalam badan, bomoh akan menconteng di kepala – satu di 'empingas' iaitu di bahagian dahi kiri dan kanan yang berlokap bersebelahan mata (*temple*), satu di dahi dan kemudian di 'empingas' sekali lagi. 'Datang temuan' boleh menyebabkan si pesakit sakit kepala, rasa loya dan muntah-muntah.

Sebelum diconteng, bomoh akan 'mengebo' atau mengipas si pesakit dengan sehelai kain hitam yang kemudiannya dibuang atau dilempar ke tepi. Adalah dipercayai kain hitam digunakan untuk membuang angin 'jaik' atau angin jahat iaitu angin yang bercampur dengan makhluk halus.

Bacaannya pula berbunyi:

Doa Temuan

Bismillah hir Rahman nir Rahim
Che' Man turun ke padang
Tudung daun keladi
Temuan datang
Conteng ngan kapur
Terus sik jadi

Asal kayu asal batu
 Asal temuan pulang ke temuan
 Asal batu pulang ke batu
 Asal kayu pulang ke kayu

Terdapat juga versi versi lain untuk ‘doa temuan’:


Bismillah hir Rahman nir Rahim
 Temuan, temuan
 Temuan malam ari ndak jadi
 Temuan petang ari ndak jadi
 Temuan diniari ndak jadi

Dengan ‘tertepas’ atau tercampaknya kain hitam ke tepi, ia menjadi isyarat yang temuan sudah ditepis dan ini mendatangkan perasaan lega daripada rasa temuan dan loya.


Untuk ‘datang temuan’ khususnya untuk merawat ‘sika’ apabila sakit perut dan asyik membuang air besar, dibacakan ‘doa’ seperti ini:

Doa Sika
 Bismillah hir Rahman nir Rahim
 Aku sik tauk asal sika menjadi
 Si Rahman nama bapaknya
 Si Mersih nama emaknya
 Si Parwis nama anaknya
 Datang pun hari, pulang tengah malam
 Datang tengah malam, pulang diniari
 Berkat makei doa
 Lailahaillallah Muhammadar-Rasulullah.

Bomoh akan ‘meniup’ atau menghembus di bawah pusat atau di atas perut si pesakit. Punca penyakit ‘dugal’ pula dipercayai disebabkan oleh jin putih. Oleh kerana itu, si pesakit dinasihat untuk berpantang daripada memakan hati ayam. Si pesakit diberikan air yang dibacakan mentera untuk diminum dan juga diconteng di bahagian pusat. Sambil menconteng (sila lihat Rajah 1a dan 1b), ‘doa’ dibaca.



Rajah 1a. Arah conteng



Rajah 1b. Conteng untuk dugal

Doa Dugal
 Bismillah hir Rahman nir Rahim
 Hey jin singa Kelang

Kau duduk tengah alam [iaitu pusat]
 Kalau engkau tidak lari
 Kau akan mati ku bunuh
 Sah tawar sah tawar
 Turun dugal nait tawar
 Tawar Allah tawar Muhammad
 Tawar baginda Rasulallah.

Terdapat juga ‘doa sulak’ untuk bayi atau kanak-kanak yang ‘masuk angin’. ‘Doa sulak’ dibaca tetapi tidak ‘berconteng’. Sebaliknya, bayi atau kanak-kanak tersebut ‘berpaus’ iaitu kaedah menghembus atau meniup angin di bahagian kepala untuk melarikan angin dan untuk melindungi bayi atau kanak-kanak daripada makhluk halus.

Doa Sulak
 Bismillah hir Rahman nir Rahim
 Sinsirin mambang kunin
 Bidu putih kelambu daga
 Budak kecil bergelang usul
 Bida’ dari mintak tulong
 Sah tawar, sah tawar
 Turun sulak nait tawar
 Berkat ku makei kata
 Lailahaillallah Muhammadar-Rasulullah.

Paparan ini hanyalah sebahagian dari maklumat yang diperolehi daripada kajian lapangan yang melibatkan beberapa orang pengamal atau yang berpengalaman mendalam tentang perubahan tradisional di sekitar bandar Kuching. Dari pemerhatian dan perbualan bersama mereka, didapati mereka masih mempunyai ingatan yang kuat walaupun dalam usia yang agak lanjut. Mereka masih berupaya mengingati bait-bait ‘doa-doa’ yang pernah diamalkan dahulu. Perlulah dimaklumkan bahawa ada di antara mereka ini masih memberi khidmat kepada sesiapa yang memerlukan dan ada juga yang hanya merawat dengan menggunakan herba dan akar kayu tetapi tidak membaca bait-bait yang digelar ‘doa’ ini.

AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU SARAWAK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Ismail Hamid (1998: 29) dalam artikel beliau tentang ‘Agama dan Kepercayaan’ menyatakan yang animisme merupakan ‘suatu ciri utama dalam kepercayaan orang Melayu yang diwarisi dari zaman praislam’. Malah kepercayaan ini masih wujud walaupun setelah kedatangan Islam kerana, menurut beliau, di dalam agama Islam, kewujudan makhluk halus yang digelar jin memang diakui:

Di dalam al-Quran (surah 51:56) Allah berfirman bahawa, 'Ia telah menciptakan jin dan manusia demi untuk menyembah-Nya'.

(Ismail Hamid 1998:29)

Sekurang-kurangnya 39 ayat di dalam al-Quran membincangkan sejenis makhluk bergelar jin yang diciptakan oleh Allah (Ismail Hamid 1998). Malahan, satu surah khususnya tentang jin diturunkan, iaitu surah 72 - Al-Jin.

Walau bagaimanapun, mempercayai kekuasaan Jin atau meminta pertolongan daripada Jin walau dalam apa cara sekalipun amat ditegah dalam Islam. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Jin (72) ayat 6:

'Dan bahwasanya ada beberapa orang laki-laki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa laki-laki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka dosa dan kesalahan'.

Dalam membincangkan tentang makhluk halus ini, memang tidak dapat dinafikan budaya masyarakat Melayu- sebagai contoh, sastera lisan, perubatan, pekerjaan- banyak dipengaruhi oleh kepercayaan mereka kepada makhluk halus. Di dalam amalan perubatan tradisional terutama dalam ritual 'berat' (serius), seperti merawat penyakit dirasuk atau dibuat orang, seruan pada makhluk halus sama ada jin atau jembalang pasti ada. Misalnya dalam 'doa' untuk menghalau pelesit dan polong yang dipetik dari Syed Othman (1998:117):

Hai pelesit dan polong
aku tahu asal usulmu
kamu berasal dari ujung lidah jin janih
kamu berasal dari lidah jin kicir
kamu berasal dari li-in saktimuna
kalau kau melihat ke langit
muntahkan darah
kalau kamu tunduk ke bumi
muntahkan tahi
demi Allah demi Rasulullah
berkat kata
Lailahailallah Muhammadar-Rasulullah.

Di dalam 'doa -doa' yang dibacakan untuk rawatan mudah dalam cara perubatan tradisional orang Melayu Sarawak juga terkandung nama-nama jin atau orang-orang yang mungkin dipercayai keramat, atau mempunyai kuasa dan sebagainya. Dapat dilihat di dalam bait-bait yang mempunyai ciri-ciri puisi atau pantun bebas, nama Jin Singa Kelang, Sinsirin Mambang Kunin, si Parwis, si Rahman, dan si Mersih dibangkitkan. Kalimah 'Allah' dan frasa 'Lailahailallah Muhammadar-Rasulullah' dijadikan ungkapan penyudah dalam 'doa -doa' yang

sedemikian. Unsur sinkretisme amat terserlah dalam amalan-amalan dalam perubatan tradisional Melayu. Malah percampuran elemen-elemen yang bertentangan dalam 'doa' yang dibacakan amat mengelirukan. Kepada sesetengah orang yang mempunyai iman yang tinggi dan berpengetahuan dalam ilmu agama Islam, unsur sinkretisme ini amat jelas lantaran rasionalisasi membantu mereka membuat satu penilaian yang wajar. Tetapi kepada yang kurang dalam ilmu pengetahuan Islam, kepercayaan dan amalan mereka pada perubatan tradisional yang demikian masih menebal.

Dalam Islam setiap penyakit ada penawarnya seperti yang dinyatakan dalam satu hadis:

Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: "Mereka bertanya: Ya Rasulullah, apakah kami berubat? Baginda menjawab; Ya Wahai hamba Allah, sesungguhnya Allah meletakkan penyakit dan diletakkan pula penyembuhannya, kecuali satu penyakit iaitu penyakit ketuaan dan kematian."

(Riwayat Abu Sunnah)

Oleh demikian, ilmu perubatan dalam Islam adalah sesuatu yang dituntut. Menurut imam yang ditemubual, ilmu perubatan Islam terbahagi kepada dua iaitu *syifa* (penyembuhan) dan *taraqi* (lebih kepada penyakit buatan manusia seperti sihir). Nabi Muhammad S.A.W. sendiri juga menggunakan herba untuk menyembuh penyakit. Baginda pernah didatangi seorang bapa untuk merawat anaknya yang demam panas. Baginda mengambil sedikit tanah untuk dipalitkan sedikit pada dahi kanak-kanak tersebut dan lantas berdoa kepada Allah S.W.T. Apabila ditanya oleh si bapa kenapa baginda menggunakan tanah, baginda menyatakan yang manusia berasal daripada tanah maka ke tanahlah mereka kembali.

Apabila dilihat dari perspektif Islam, dari satu spektrum perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak bercanggah dengan agama Islam jikalau hanya menggunakan herba-herba sebagai sumber ubatan. Perbuatan Nabi Muhammad S.A.W. mempalitkan sedikit tanah pada dahi kanak-kanak adalah hanya sebagai isyarat. Justeru, penggunaan kapur dalam kebanyakan rawatan tradisional Melayu Sarawak dan bahan-bahan berkhasiat seperti madu dan bawang tidak dianggap bertentangan jikalau diketahui ianya dapat menawarkan sakit. Namun apabila dibacakan 'doa yang bukan-bukan' iaitu yang menyeru kepada unsur - unsur lain maka hukum mengamalkan perubatan tradisional sebegini adalah haram. Para imam dan ustaz yang dirujuk

menerangkan cara perubatan begini adalah haram kerana ia bukan cara Islam, malah sekiranya si pengamal itu yakin dengan cara perubatan begitu, ianya adalah perbuatan syirik.

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الرُّفَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكًا. (أبو داود والإمام أحمد)

Dari Ibn Mas'ud r.a katanya: Rasulullah s.a.w., bersabda: “Sesungguhnya tawar jampi, tangkal azimat, ilmu guna-guna (ilmu pengasih untuk menambatkan hati suami kepada isterinya atau hati isteri kepada suaminya) adalah syirik”

(Abu Daud dan Imam Ahmad)

Hadis di atas jelas menunjukkan tawar jampi dan tangkal azimat bukan satu amalan perubatan Islam. Malah, ianya mendorong kepada syirik kecil atau syirik yang tersembunyi, justeru wajib dijauhi.

Nabi Muhammad S.A.W. bersabda:

“Sesiapa yang mendatangi seorang arafan [seperti bomoh, dukun, ahli sihir atau paranormal] kemudian bertanya sesuatu dan dijawab olehnya, kemudian ia membenarkannya [iaitu ia meyakinkannya], maka solatnya ditolak 40 hari”.

(Hadis sahih Bukhari & Muslim)

KESIMPULAN

Amalan Perubatan tradisional masyarakat Melayu, dalam konteks kajian ini – masyarakat Melayu Sarawak, adalah satu praktis yang sudah diamalkan berlipat zaman. Amalan ini diperturunkan kepada generasi seterusnya dan hasilnya – kewujudannya sehingga ke hari ini. Secara keseluruhan, boleh dikatakan wujudnya titik persamaan di antara cara amalan perubatan tradisional Melayu Sarawak dengan kaedah perubatan Islam. Justeru, dari satu sudut, tidak menjadi satu kesalahan sekiranya amalan itu dipraktikkan. Yang pasti setiap aspek perubatan itu hendaklah tidak menyekutukan Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, mentera yang digunakan yang mencerminkan ketaksuban minda masyarakat tentang wujudnya unsur kekuasaan jin dan keramat dan kemudian disimpulkan dengan ungkapan kalimah Allah (sebagai pelengkap atau penutup jampi) adalah sesuatu yang perlu dijauhi. Seyogia, unsur-unsur yang menganjur kepada perbuatan syirik, sama ada syirik kecil atau besar, mestilah dihindari. Sewajarnya, amalan perubatan tradisional mesti diperhalusi agar perubahan drastik, khususnya perkara yang

melanggar akidah dapat ditegah sebelum diperturunkan kepada generasi mendatang.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Abdul Kadir. 2006. Of roots, barks, paracetamol and EDTA. *Malaysian Journal of Medical Sciences* 13(2): 1-6.
- Shaharudin Ahmad. 2002. Traditional medicine in Southeast Asia with special reference to Malaysia and Indonesia. In. *Geography, Culture and Education*. Springer Netherlands. Pp. 51-64.
- Al-Sharrah, Y.A. 2003. The Arab tradition of medical education and its relationship with the European tradition. *Prospects* 33(4): 413-425.
- Amran Kasimin. 1991. *Santau dan Kaedah Rawatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Amran Kasimin. 1997. *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Warisan.
- Amran Kasimin. 1998. Rawatan tradisional sebagai satu keperluan. Dlm. Robiah Sidin & Juriah Long (Pnyl.). *Nilai Budaya Masyarakat Desa Kajian Etnografi di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Pahang* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 137-153.
- Azhar Ibrahim Alwee. 2006. Pembomohan dan Kebertahanannya. [http://www.thereadinggroup.sg/Articles/Pembomohan dan Kebertahanannya.pdf](http://www.thereadinggroup.sg/Articles/Pembomohan%20dan%20Kebertahanannya.pdf)
- Nicholas, C.L. 2009. I don't believe in hantu (ghosts), but they do exist: Malay syncretic talk-in-interaction. *Qualitative Research Reports in Communication* 10(1): 46-54.
- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi. 2012. Perubatan Melayu tadisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal al-Tamaddun* 7: 149-162.
- Hamidah Abdul Wahab. 2013. Petua dan pantang larang tradisional dalam alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 1(1): 89-97.
- Ismail Hamid. 1998. Agama dan kepercayaan. Dlm. Robiah Sidin & Juriah Long (Pnyl.). *Nilai Budaya Masyarakat Desa Kajian Etnografi di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.29-42.
- Mohd Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Mustafa, Radina Mohd Deli, Monaliza Sarbini-Zin & Wan Robiah Meor Osman. 2013. Amalan perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak. *Prosiding International Conference on Languages, Linguistics and Society 2013*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Hlm. 168-173.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Nurdeng Deuraseh, Amaluddin Ab. Rahman & Zarina Muhammad. 2011. Acceptance of Kuala Lumpur Malay's residents towards Rukyah (Incantation). *Pertanika J.Soc.Sci.& Hum.* 19(2): 305-317.
- Solecki, R.S.Shanidar IV. 1975. A Neanderthal flower burial of northern Iraq. *Science* 190: 880.
- Syed Hussein Alatas. 1972. *Modernization and Social Change: Studies in Modernization, Religion, Social Change and Development in South East Asia*. Sydney: Angus & Robertson
- Syed Othman Syed Omar. 1998. Tradisi lisan: Sumber sastera dan nilai budaya. Dlm. Robiah Sidin & Juriah Long (Pnyl.).

Nilai Budaya Masyarakat Desa Kajian Etnografi di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Pahang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Hlm. 95-136.

Werner, R. 1986. *Bomoh/Dukun: The Practices and Philosophies of the Traditional Malay Healer.* Berne: University of Berne, Institute of Ethnology.

Wilkinson, R.J. 1957. Papers on Malay customs & beliefs. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 30(4): 1-87.

Monaliza Sarbini-Zin, M.A.

Pensyarah

Pusat Pengajian Bahasa

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.

E-mail: szmonaliza@cls.unimas.my

Rosnah Mustafa, M.Ed.

Pensyarah

Pusat Pengajian Bahasa

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.

E-mail: mrosnah@cls.unimas.my

Radina Mohd Deli, M.A.

Pensyarah

Pusat Pengajian Bahasa

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.

E-mail: mdradina@cls.unimas.my

Haikal Hammaad Zin, M.A.

Pensyarah

Akademi Pengajian Bahasa

Universiti Teknologi MARA

Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.

E-mail: haikalhammaadzin@sarawak.uitm.edu.my